

**PM umum 50 IBO jana RM530j pendapatan
Utusan Online
30 Januari, 2013**

PUTRAJAYA 29 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan 50 peluang perniagaan inovasi (IBO) fasa ketiga yang merangkumi sektor pertanian, kesihatan, komunikasi, nano teknologi, pembinaan dan kegunaan rumah.

Keseluruhan 50 IBO tersebut mempunyai potensi menjana pendapatan sebanyak RM930 juta pada tahun operasi ketiga.

Kesemua 50 IBO terbaru tersebut akan ditawarkan secara terbuka di laman sesawang Agensi Inovasi Malaysia (AIM) iaitu *www.innovation.my*.

Beberapa IBO menarik yang diumumkan hari ini termasuk Rokok Victorian yang menggunakan perasa makanan dan memberi 'pengalaman merokok' kepada pengguna tanpa mendatangkan kesan negatif seperti tembakau sebenar.

Satu lagi hasil inovasi menarik yang diumumkan ialah mesin penyediaan sawah padi lima dalam satu yang boleh digunakan untuk membajak, bercucuk tanam, meratakan tanah serta menyembur racun serangga.

Kit pemeriksaan halal secara sensitif dan segera juga menjadi IBO yang mencuri tumpuan dan dijangka berpeluang besar untuk dikomersialkan.

Daripada 50 IBO yang diumumkan di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini, dua daripadanya membabitkan kelengkapan untuk pemilik motosikal iaitu sistem kunci khas untuk kenderaan itu dan pakaian khusus penunggang pada waktu malam.

Dalam pada itu, Naib Presiden Eksekutif AIM, Naser Jaafar berkata, IBO fasa pertama dan kedua yang diumumkan Perdana Menteri pada tahun lalu menunjukkan sambutan memberangsangkan.

"Daripada 42 IBO yang diumumkan untuk fasa pertama, 12 daripadanya telah dikomersialkan, bagi 50 IBO dalam fasa kedua pula, 24 pihak telah menunjukkan minat terhadap 19 IBO yang ditawarkan," katanya.

Tawaran IBO akan dibuka terlebih dahulu kepada rakyat Malaysia sebelum dibuka untuk pembidaan oleh syarikat antarabangsa.

Najib pada tahun lalu mengumumkan 92 IBO yang berpotensi menjana pendapatan tahun operasi ketiga sebanyak RM2 bilion.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130130/dn_06/PM-umum-50-IBO--jana--RM530j-pendapatan